

BAB I

PERNYATAAN MASALAH

1.0 Pendahuluan

Bab ini cuba menganalisis masalah kajian secara terperinci dan kemudiannya menyatakan kerangka teoritis yang dijadikan panduan bagi mengkaji masalah pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di pusat prasekolah. Fasal 1.1 dalam bab ini akan membincarakan kebitaraan manusia mengatasi makhluk ciptaan tuhan yang lain kerana keupayaan manusia berkomunikasi menggunakan bahasa. Juga yang akan disentuh oleh pengkaji dalam dalam fasal 1.1 ini ialah sedikit sebanyak tentang pandangan dari sudut teori-teori pelbagai mazhab tentang pemerolehan bahasa. Dalam fasal 1.2 pengkaji akan memuatkan beberapa isu tentang masalah pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak yang berumur di antara 4 hingga 6 tahun. Andaian-andaian tersebut disimpulkan oleh pengkaji sebagai satu pernyataan masalah yang sering dihadapi oleh para ibu bapa dan guru prasekolah dan akhirnya telah mencetuskan satu keinginan bagi pengkaji untuk membuat kajian dalam lapangan tersebut. Perbincangan dalam fasal 1.3 adalah tertumpu tentang persoalan-persoalan kajian. Fasal 1.4 pula akan menyaksikan pengkaji menghuraikan tentang tujuan-tujuan utama kajian ini dibuat. Dalam fasal 1.5, pengkaji akan menjelaskan tentang kepentingan kajian ini. Fasal 1.6 adalah tentang beberapa definisi operasional yang diguna pakai dalam kajian ini. Fasal 1.7 adalah yang berkaitan dengan bidang serta limitasi kajian. Fasal 1.8 adalah rumusan keseluruhan tentang Bab I.

1.1 Manusia dan Bahasa

Manusia adalah makhluk ciptaan Tuhan yang amat bitara atau unik. Salah satu daripada kebitaraannya mengatasi makhluk-makhluk ciptaan Tuhan yang lain ialah keupayaannya untuk berkomunikasi secara yang berkhikmah atau *wisdom*. Dengan adanya akal yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada manusia maka manusia boleh berfikir secara rasional.

Pandangan tersebut telah banyak diperkatakan oleh ramai sarjana psikologi dan para cendiakawan dalam berbagai disiplin ilmu yang lain. Sebagai contoh Cazden (1972:3) menegaskan bahawa manusia telah boleh berkomunikasi sejak dilahirkan. Menurut Cazden, bayi yang baru dilahirkan sudah boleh mendengar perbualan atau boleh berkomunikasi dengan orang yang rapat atau hampir dengannya.

Apabila kita cuba memperincikan pandangan Cazden tersebut, memang tidak dapat dinafikan bahawa pada saat kelahirannya lagi bayi sudah mengeluarkan bunyi dari mulutnya. Bunyi yang tidak asing lagi dikeluarkan dari mulut bayi sejurus dilahirkan ialah bunyi dalam bentuk tangisan. Dengan mengeluarkan satu bunyi yang sukar difahami itulah bayi membuat perhubungan awalnya dengan orang yang berada di sekelilingnya sama ada secara verbal atau bukan verbal.

Walau bagaimana pun pandangan Cazden berhubung dengan pemerolehan bahasa manusia bermula pada peringkat bayi itu bukanlah merupakan satu pandangan yang terawal pernah diketengahkan kepada khalayak. Noam Chomsky (1957) dalam bukunya *Syntactic Structure*, mengatakan bahawa kanak-kanak telah memperoleh bahasa sejak dari peringkat awal bayi lagi. Chomsky sebenarnya lebih awal daripada Cazden untuk membuat pernyataan seperti itu. Beliau dengan tegas menjelaskan bahawa bayi yang baru

dilahirkan itu pun telah boleh berkomunikasi dengan persekitarannya melalui interaksi secara bukan verbal.

Cukup menggalakkan ialah perbincangan-perbincangan dan kajian-kajian yang dilakukan oleh para sarjana berhubung tentang pemerolehan bahasa dari peringkat awal kehidupan manusia akhirnya telah mencetuskan atau melahirkan beberapa *linguistics scholars* atau aliran linguistik di kalangan para sarjana linguistik. Semakin rencamlah teori pemerolehan bahasa manusia dengan pelbagai pandangan sarjana linguistik berkenaan dari pelbagai aliran linguistik yang masing-masingnya bertaut dengan asas-asas teori dari pelbagai mazhab. Daripada pelbagai teori linguistik tersebut terdapat tiga teori linguistik yang banyak disebut-sebut oleh para sarjana. Teori yang pertama ialah Teori Mekanis ataupun juga dikenali sebagai Teori Behaviouris. Teori yang kedua ialah Teori Mentalis ataupun Kod Kognitif manakala teori yang ketiga dikenali sebagai Teori Interaksionalis.

Walaupun terdapat tiga teori yang lebih banyak diperkatakan tentang pemerolehan bahasa manusia, namun mengikut penyelidikan secara empirikal mendapati terdapat dua teori utama yang mendasari persoalan tersebut iaitu yang ditimbulkan oleh ahli-ahli empiris dan ahli-ahli rasionalis. Golongan pertama ialah yang mewakili Aliran Behaviouris dan mendokong Teori Mekanis. Teori yang pertama ini mempertahankan bahawa bahasa manusia diperolehi secara dipelajari, manakala teori yang kedua mempertahankan bahasa manusia itu diperolehi secara alamiah atau dinuranikan. Teori kedua ini adalah dari perspektif golongan yang mewakili Aliran Kognitif yang mendokong Teori Mentalis. Kedua-dua teori besar ini sayangnya tidak pernah sehaluan.

Masing-masing berada di persimpangan sambil mendakwa keunggulan dan kesahihan teori berhubung pemerolehan bahasa ibunda atau bahasa pertama manusia.

Tidak cukup dengan polemik dua golongan ahli teori tersebut tentang pemerolehan bahasa, ia juga telah mencetuskan beberapa aliran linguistik yang tidak sepakat di antara satu sama lain. Lahirlah aliran Prague pada tahun 1926 oleh Vilem Matheius (A. Chaedar Alwasilah, 1985:36) iaitu seorang tokoh di Universiti Caroline. Mazhab ini tidak pernah membataskan bidang linguistik seperti aliran golongan *traditional grammar* atau nantu tradisional malah dari segi kajianpun mereka tidak ada sistem formal deduktif tetapi mereka menghasilkan seperangkat prinsip yang pada umumnya persetujui oleh semua pengikutnya (Bolinger, 1968:514).

Aliran linguistik yang kedua ialah Aliran Struktural Amerika (*The American Structuralism*) yang lahir pada tahun 1930 hingga 1950'an. Mazhab ini dipelopori oleh Leonard Bloomfield, Franz Boaz dan Edward Sapir. Walaupun Bloomfield sebelumnya adalah pendokong teori behaviourisme beliau kemudiannya telah mengalihkan haluannya kepada teori mentalisme. Bloomfield dan rakan-rakannya melihat behaviorisme sebagai satu teori yang bersifat mekanis. Menurut golongan ini unsur-unsur yang bersifat mekanis dalam pemerolehan bahasa adalah kurang wajar berbanding pandangan teori mentalisme.

Aliran Tatabahasa Taksonomi atau *Structural, Taxonomic and Bloomfieldian Grammar* atau *post-Bloomfieldian* adalah lahir sebagai satu gagasan daripada Aliran Struktural. Tokoh-tokoh yang terkenal menganuti aliran ini ialah seperti Wells, Harris dan Hocket. Tokoh-tokoh tersebut adalah di kalangan yang terkenal dengan pandangan bahawa analisis pada asumsi kategori-kategori harus dibatasi bukan berdasarkan makna tetapi adalah berdasarkan distribusinya dan bahawa struktur bahasa apa jua pun tidak

boleh diberi dengan satu acuan yang bersifat sejagat yang diasumsikan (seperti *tenses*, jenis kata dan sebagainya) (Allen, 1975:51-52).

Aliran Firth muncul di London dari tahun 1944 hingga 1956 terutamanya yang berpegang pada gagasan prosodi fonologinya. Aliran ini bertentangan dengan *phonemics* Amerika. Kemudiannya sebagai lanjutan daripada aliran Firth muncullah pula aliran Neo-Firthian yang dipelopori oleh M.A.K Halliday. Halliday telah mengembangkan gagasan gurunya iaitu Firth dengan menampilkan empat gagasan penting sebagai kategori umum dalam bahasa. Kategori-kategori itu ialah unit, struktur, kelas dan sistem.

Sezaman dengan aliran Neo-Firthian, bergema pula aliran Startifikasi Nahu yang dipelopori oleh M. Lamb. Menurut A.Hill (1969:47) bahawa struktur linguistik adalah satu sistem dengan dua bahagian utama. Bahagian-bahagian tersebut ialah bahagian makna dan yang kedua ialah bahagian ujaran atau tulisan. Dengan perkataan lainnya bahawa struktur linguistik adalah sesuatu yang menghubungkan makna-makna dengan ujaran dan tulisan.

Aliran Chomsky adalah lebih bersifat revolusioner dalam arena ilmu bahasa khususnya di Amerika Syarikat. Chomsky dalam bukunya *Syntactic Structure* (1957), secara lantang menolak aliran Halliday atau Neo-Firth kerana aliran ini terlalu membataskan nahu dalam bahasa dari domain empirikal semata. Menurut Chomsky bahasa bukanlah sesuatu yang boleh disamakan dengan korpus (Durcot dan Todorov, 1979:38).

Walau bagaimanapun di antara sebarisan nama-nama yang terkenal dari pelbagai aliran tersebut, Chomsky telah berupaya menempah nama sebagai tokoh yang paling dikenali. Pandangannya tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak amat menarik.

Menurutnya kanak-kanak yang cuba mengatasi sesuatu bahasa mestilah menentukan semua data dari pelaksanaan orang lain di persekitarannya di samping cuba menentukan sistem peraturan mengenai bahasa tersebut. Kanak-kanak berbuat demikian adalah untuk membolehkannya sampai ke peringkat pelaksanaan yang sama. Dengan membuat pandangan tersebut Chomsky semacam melihat faktor peniruan dan *modeling* sebagai salah satu asas yang penting dalam pemerolehan bahasa. Lenneberge, Pensfield, Scoval, Brown, Burling dan beberapa sarjana lain juga mengatakan bahawa kanak-kanak mestilah menggunakan perlakuan bahasa yang sebenarnya yang terdapat di persekitarannya bagi menentukan pencapaian kecekapan untuk tujuan berkomunikasi.

Pendapat yang dinyatakan oleh Chomsky dan sarjana-sarjana yang sehaluan dengannya telah berupaya menggambarkan satu gagasan tradisional tentang bahasa manusia. Menurut Chomsky kanak-kanak akan menggunakan perlakuan bahasa yang sebenarnya yang terdapat di persekitarannya untuk mencapai kecekapan berbahasa dan inilah yang membezakan manusia dengan spesies haiwan yang lain dalam memproseskan kata. Kanak-kanak adalah manusia yang mempunyai kurniaan biologi (genetik) yang mempengaruhinya untuk memperoleh dan menggunakan bahasa yang tidak wujud pada spesies haiwan yang lain. Oleh yang demikian, maka bolehlah dikatakan bahawa kanak-kanak adalah makhluk yang mempunyai asas kognitif yang amat bitara atau unik untuk memperolehi bahasa.

Walau apapun yang hendak kita bicarakan tentang persoalan bahasa atau linguistik, kesan daripada cetusan Chomsky tersebut telah menyebabkan ramai sarjana lain ingin melihat dan meneroka secara serius dalam lapangan ini. Pada tahun 1965, Brown telah menjalankan satu kajian dalam lapangan ini. Kemudiannya diikuti pula oleh

Langker pada tahun 1968, MacNeill pada tahun 1970, Fishman pada tahun 1970 dan Slobin pada tahun 1971 (Abd.Rashid, 1992:942). Sebenarnya lebih ramai lagi sarjana-sarjana linguistik dan dari pelbagai disiplin lain telah membuat kajian dalam lapangan ini sama ada sebelum lahirnya Chomsky maupun sesudah Chomsky. Namun yang cukup menarik ialah kajian dalam lapangan ini tidak akan sampai ke penghujungnya selagi kita mencetuskan ujaran menggunakan apa jua bahasa sekalipun.

1.2 Keperluan Pengetahuan Pemerolehan Bahasa Di Kalangan Kanak-Kanak

Pengetahuan tentang pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan 3 hingga 6 tahun amat kritikal bagi ibu bapa, para guru, dan semua lapisan masyarakat kerana dapat membantu menghuraikan masalah yang dihadapi oleh mereka berhubung tingkah laku bahasa kanak-kanak yang berada dalam transisi kemahiran bertutur atau berkomunikasi. Ramai di kalangan ibu bapa, para guru prasekolah berasa bimbang apabila mendapati kanak-kanak yang sudah mencapai umur melebihi 5 tahun tetapi belum boleh bertutur dengan baik berbanding dengan kanak-kanak yang lain. Terdapat di kalangan ibu bapa dan guru prasekolah menganggap kanak-kanak tersebut tidak normal dan ini menyebabkan ibu bapa berasa malu untuk berhadapan dengan masyarakat di sekeliling mereka.

Dari satu sudut yang lainnya pula terdapat ibu bapa dan guru prasekolah yang menjadi rungsing dan cemas apabila mendapati anak-anak mereka yang telah mencapai usia lebih dari 5 tahun tetapi tidak boleh bertutur dengan baik. Lebih mencemaskan dan merungsingkan para ibu bapa dan guru prasekolah berkenaan ialah apabila kanak-kanak tersebut telah berumur 6 tahun tetapi tidak boleh bertutur dengan menggunakan ayat yang mudah atau dalam bentuk *multiple word sentences* dan ayat berlapis yang mudah.

Menurut Martin Braine (1963) bahawa nahu dalam bentuk *multiple word sentences* mudah yang bermakna, lazimnya dicapai oleh kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan umur 5 hingga 6 tahun.

Semakin bertambah risau di kalangan ibu bapa dan guru prasekolah ialah apabila kanak-kanak dalam lingkungan umur 5 hingga 6 tahun tersebut tidak faham mesej yang disampaikan kepada mereka walaupun dalam bentuk ayat mudah. Lebih-lebih lagi kanak-kanak tersebut akan mengalami kesukaran untuk memahami makna ujaran apabila dimasukkan kata-kata yang membawa makna fizikal (fakta) dan makna psikologikal (tersirat). Contoh satu bentuk ujaran dalam bahasa Melayu dialek Sarawak dan bahasa Iban dialek Sarawak yang mempunyai kedua unsur makna tersebut:

“Nok ya, kacang” (dialek Melayu Sarawak)

Makna faktanya ialah merujuk kepada benda/objek iaitu kacang - makanan.

Makna psikologikalnya ialah merujuk kepada satu perkara atau hal yang mudah/enteng.

“Ulih pakai” (dialek bahasa Iban Sarawak)

Makna faktanya ialah merujuk kepada sesuatu yang boleh dimakan atau sedap dimakan.

Makna psikologikalnya ialah merujuk kepada satu perkara yang mudah/enteng.

Sepatutnya ibu bapa tidak harus bimbang, rungsing dan cemas kerana dari segi fisiologi kanak-kanak pada peringkat ini memang tidak boleh bertutur dengan sempurna dan bukannya cacat atau tidak normal. Pada peringkat perkembangan yang sedang dialami oleh kanak-kanak tersebut adalah didapati bahawa sistem artikulasi kanak-kanak belum begitu sempurna dan mereka perlu belajar melalui pengalaman, mendengar dan meniru pertuturan orang yang rapat dengannya dengan penetapan model. Peranan orang

dewasa ialah memberi motivasi dan peneguhan kepada sebarang perlakuan bahasa yang baik diujarkan oleh kanak-kanak tersebut.

Walau bagaimanapun memang tidak dapat dinafikan masalah untuk memahami perkembangan atau pemerolehan bahasa adalah sesuatu yang amat abstrak dan rumit. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman pengkaji sendiri semasa melawat ke Pusat Prasekolah Maktab perguruan Rajang untuk membuat pencerapan pengajaran mikro oleh guru-guru pelatih di maktab ini, guru prasekolah sering mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak prasekolah walaupun telah mencuba untuk bertutur dalam bahasa ibunda kanak-kanak yang berkenaan. Kanak-kanak di pusat prasekolah berkenaan agak lambat untuk memahami arahan dan tegahan yang dibuat oleh guru pembantu. Guru pembantu di pusat prasekolah tersebut sebenarnya lebih senang untuk berkomunikasi dalam bahasa ibunda kanak-kanak tersebut tetapi sering mengadu mesejnya tidak difahami oleh mereka. Daripada pemerhatian dan maklumat tersebut, pengkaji melihat terdapat dua masalah dalam perkembangan bahasa kanak-kanak di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang. Masalah-masalah tersebut adalah:

- a) kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang belum menguasai ujaran jenis ayat selapis atau *multiple word sentences* dan ayat berlapis dalam bahasa ibunda yang sempurna berdasarkan pola S-V-O;
- b) dan kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang hanya mempunyai satu rujukan makna sahaja bagi setiap perkataan yang mereka ujarkan.

Pengkaji dengan ini melihat dua masalah yang dialami oleh kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban kelas prasekolah tersebut sebagai satu permasalahan dalam pemerolehan bahasa ibunda di kalangan kanak-kanak berkenaan. Berdasarkan permasalahan tersebut maka timbulah beberapa persoalan seperti berikut:-

- 1) Adakah kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang hanya mengujar beberapa kosa kata aktif tertentu sahaja dalam bahasa ibunda mereka ketika berkomunikasi?
- 2) Adakah kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang yang berumur 5 hingga 6 tahun boleh mengujar jenis ayat selapis atau *multiple word sentences* dan ayat berlapis atau ayat majmuk dalam bahasa ibunda masing-masing dengan sempurna berdasarkan pola S-V-O?

Pengkaji dengan ini melihat bahawa masalah pemerolehan bahasa di kalangan kanak-kanak Prasekolah Maktab Perguruan Rajang bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan oleh setiap individu dewasa. Jika benar persoalan ini berlaku, kita tidak menafikan bahawa mungkin banyak lagi faktor lain yang turut menyumbang hingga timbulnya masalah tersebut. Oleh kerana persoalan tersebut masih samar lagi, maka kajian ini akan dapat menjawab segala yang terpendam dan terselindung.

1.3 Soalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berhubung pemerolehan bahasa dari segi sintaksis dan semantik di kalangan kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Soalan-soalan kajian adalah seperti berikut:-

1. Apakah kumpulan atau golongan kosa kata asas aktif bahasa ibunda yang dikuasai oleh kanak-kanak Melayu peringkat umur prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
2. Apakah kumpulan atau golongan kosa kata asas aktif bahasa ibunda yang dikuasai oleh kanak-kanak Iban peringkat umur prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
3. Adakah terdapat perbezaan pemerolehan kumpulan atau golongan kosa kata aktif bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat umur prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
4. Apakah jenis-jenis ayat dalam bahasa ibunda yang lazim diujar oleh kanak-kanak Melayu peringkat umur prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
5. Apakah jenis-jenis ayat dalam bahasa ibunda yang lazim diujar oleh kanak-kanak Iban peringkat umur prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?
6. Adakah terdapat perbezaan jenis-jenis ayat yang lazim diujar dalam bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban peringkat umur prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab Perguruan Rajang?

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat dan melaporkan perbandingan pemerolehan bahasa ibunda di antara kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban yang berumur 5 hingga 6 tahun dalam kelas prasekolah di Pusat Prasekolah Maktab perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Aspek yang akan dikaji ialah melihat pemerolehan bahasa

kanak-kanak tersebut dari segi sintaksis dengan membuat pertimbangan pembentukan ayat berdasarkan pola S-V-O.

Pembentukan ayat yang akan dilihat ialah dari segi jenis-jenis ayat seperti ayat tunggal atau ayat selapis dan ayat berlapis atau ayat majmuk. Perincian akan difokuskan kepada pola yang membentuk jenis-jenis ayat tersebut dalam perbualan harian kanak-kanak.

Juga yang akan dilihat dan dilaporkan ialah berhubung pemerolehan bahasa ibunda kanak-kanak tersebut dari aspek semantik. Dalam aspek ini perkara yang akan diperincikan adalah kepada pemerolehan kosa kata aktif yang bermakna dan golongan kosa kata aktif di kalangan kanak-kanak.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting dan diharapkan akan memberi manfaat kepada ibu bapa dan para guru prasekolah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka untuk membantu proses penyuburan perkembangan bahasa kanak-kanak. Misalnya maklumat tentang pemerolehan kosa kata aktif yang dikuasai oleh kanak-kanak pada peringkat perkembangan tersebut (kanak-kanak yang berumur 5 dan 6 tahun) boleh membantu ibu bapa dan guru-guru prasekolah untuk membimbing kanak-kanak dengan sempurna. Mereka boleh menyediakan program tidak formal yang berkaitan seperti menyediakan suasana persekitaran di rumah mahupun di pusat prasekolah yang keluar daripada lingkungan pengalaman yang sedia ada dialami oleh kanak-kanak tersebut. Jika kanak-kanak tersebut lazimnya hanya bermain bola atau alat permainan seperti kereta mainan sahaja dalam rutin harian mereka, seorang ibu atau bapa atau guru prasekolah boleh memperkayakan kosa kata kanak-kanak tersebut dengan menyediakan permainan

perunsurkan kesihatan atau alat elektronik iaitu komputer mainan atau dengan perkataan-perkataan baru ketika berkomunikasi dengan mereka. Cara begini secara beransur-ansur akan menambahkan kosa kata kanak-kanak tersebut walaupun tidak secara sertamerta. Pendedahan kepada lingkungan pengalaman yang luas melalui bermain sedikit sebanyak akan membuka pintu hati kanak-kanak untuk ingin tahu kerana dunia bermain dan perasaan ingin tahu di kalangan kanak-kanak bukanlah sesuatu yang asing.

Maklumat berhubung makna dan jenis ayat seperti ayat selapis atau *multiple word sentences* dan ayat berlapis atau ayat majmuk akan dapat membantu membina satu bentuk persefahaman di antara ibu bapa dan guru-guru prasekolah dengan kanak-kanak prasekolah. Persefahaman tersebut akan memantapkan pemahaman ibu bapa dan guru prasekolah dengan maksud yang diujarkan oleh kanak-kanak (makna ujaran). Mereka akan dapat memberi bimbingan ke atas kanak-kanak prasekolah secara berperingkat-beringkat untuk membetulkan kesalahan struktur ayat kanak-kanak tersebut. Oleh yang demikian para ibu bapa dan guru prasekolah akan sentiasa menjalankan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi, di samping sentiasa berusaha untuk memperluaskan dan mempertajamkan pengetahuan yang hampir dilupakan oleh semua individu dewasa iaitu peranan individu dewasa untuk membantu pemerolehan bahasa anak-kanak.

1.6 Definisi Operasional

Untuk membantu para pembaca memahami dan seterusnya memberi komen dan pandangan yang membina terhadap kajian ini dalam rangka rujukan yang sama, istilah-istilah penting yang digunakan adalah ditakrifkan seperti berikut:-

a) Bahasa

Menurut Harimurti Kridalaksana (1983:17) bahasa merupakan sistem lambang yang arbitrari yang digunakan oleh sesebuah masyarakat untuk bekerjasama, berinteraksi dan mengidentifikasikan diri. Profesor Asmah Omar (1992:1) pula melihat bahasa adalah sebagai lambang yang mengaitkan maksud atau fikiran manusia dengan sesuatu benda yang konkret atau sesuatu yang abstrak. Dengan menggunakan bahasa manusia dapat memahami sesuatu objek yang diujarkan.

Menurut maksud kamus, bahasa ialah

"...the faculty and ability possessed by normal human being and no other species, of using a spoken or written utterance to represent mental phenomena or event."

(Americana Encyclopedia Vol.16, 1991:727)

Dalam kajian ini pengkaji akan menggabungkan definisi tersebut di atas. Oleh yang demikian istilah bahasa dalam kajian ini dilihat sebagai satu lambang yang terdiri daripada deretan bunyi yang dihasilkan oleh alat-alat artikulasi manusia, dipersetujui dan difahami oleh sesuatu kumpulan penutur sebagai alat untuk berkomunikasi.

b) Pemerolehan Bahasa

Menurut Chosmky (1973) pemerolehan bahasa bukanlah merupakan satu keupayaan seseorang mempelajari rumus-rumus tetapi ia menyentuh tentang keupayaan seseorang itu menggunakan perkataan yang bermakna. Pemerolehan bahasa dalam kajian ini merujuk kepada pemerolehan bahasa ibunda atau bahasa pertama seseorang individu. Pemerolehan bahasa kanak-kanak adalah persoalan bagaimana kanak-kanak menguasai bahasa ibunda secara tidak langsung atau tanpa disedari. Oleh yang demikian dalam

konteks kajian ini pemerolehan bahasa ialah sesuatu yang merujuk kepada pemerolehan bahasa Melayu dialek Sarawak dan pemerolehan bahasa Iban dialek Sarawak.

c) Sintaksis

Secara amnya konsep sintaksis ialah merujuk kepada yang berkenaan dengan pembentukan ayat. Pengkaji menggunakan istilah ini untuk merujuk kepada sebarang ujaran yang bermakna dilafazkan oleh kanak-kanak yang dikaji. Ayat atau ujaran yang diambil kira untuk dikaji dari aspek sintaksis dalam kajian ini ialah merangkumi ayat-ayat yang terdiri daripada jenis ayat dasar, ayat tunggal atau *multiple word sentences* dan ayat majmuk dalam pola ayat sama ada S-V-O, atau V-O-S atau O-S-V. Pola - pola V-O-S atau O-S-V dalam ujaran kanak-kanak adalah pola S-V-O tetapi diujarkan secara tidak tersusun atau secara gramatis oleh kanak-kanak.

Dalam kajian ini ayat dasar atau ayat selapis ditakrifkan sebagai ayat yang mengandungi satu konstituen subjek dan satu konstituen predikat. Contoh ayat dasar yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini ialah:

1. Deniel manah (bahasa Iban)
(Deniel budak baik)
2. Sapik laju (bahasa Melayu Sarawak)
(Sapik adalah yang laju)

Ayat tunggal pula terdiri daripada ayat-ayat yang mengandungi satu klausa iaitu satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi satu subjek dan satu predikat (Nik Safiah Karim et. al, 1986:65). Contoh ayat tunggal yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini:-

1. Endak ulih sebaka. (bahasa Iban dialek Sarawak)
(Tidak boleh sama).

2. Crito sikai pak o. (bahasa Melayu dialek Sarawak)
(*Cerita tentang basikal bapa o*)

Ayat majmuk adalah ayat yang terdiri daripada dua ayat tunggal atau lebih melalui cara percantuman yang tertentu. Contoh ayat majmuk yang digunakan oleh kanak-kanak dalam kajian ini:

1. Ku empun makan,ku empun embuweng tulang.(bahasa Melayu dialek Sarawak)
(*Saya yang makan maka sayalah yang membuang tulangnya.*)
2. Dah ku nyebut ku makai, alu baduk ku.
(*Setelah saya menyebut saya makan, maka saya akan berhenti.*)

d) Semantik

Semantik ialah yang merujuk kepada makna dalam perkataan dan makna dalam ujaran atau ayat yang diujarkan oleh individu. Menurut Lyons (1968) beliau menjelaskan bahawa tiap-tiap bentuk kata itu mempunyai makna terutamanya makna leksikal dan makna gramatis atau makna strukturnya. Makna leksikal ialah makna yang menyatakan konsep-konsep yang tergolong dalam sesuatu bentuk kata, manakala makna gramatis menurut Lyons adalah sesuatu yang menggambarkan makna struktur atau fungsi semantik yang terdapat dalam sesuatu bentuk kata dalam struktur ayat yang tertentu.

Oleh yang demikian dalam kajian ini maksud semantik adalah yang bermaksud kepada makna leksikal dalam bahasa ibunda yang diujarkan oleh subjek. Makna ujaran subjek itu akan dilihat dari segi maksud atau makna fakta mahupun makna psikologikal atau makna tersirat yang terdapat pada kosa kata asasi .

1.7 Bidang dan Batasan Kajian

Latihan ilmiah ini membataskan kajian terhadap permerolehan bahasa ibunda kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban Sarawak yang berumur 5 hingga 6 tahun. Kajian ini hanya terbatas kepada kanak-kanak di Pusat Prasekolah Mactab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak.

Ruang cakup kajian ini hanya untuk melihat pemerolehan bahasa kanak-kanak Melayu dan kanak-kanak Iban di Pusat Prasekolah Mactab Perguruan Rajang dari aspek sintaksis dan juga semantik. Dengan melihat aspek sintaksis, perincian akan dirujuk kepada pembentukan ayat selapis atau *multiple word sentences* dan ayat berlapis atau ayat majmuk yang berdasarkan pola S-V-O. Oleh kerana aspek sintaksis tidak dapat dipisahkan dengan aspek semantik, maka kajian ini juga terarah kepada aspek semantik tersebut. Malah aspek sintaksis tidak akan lengkap jika dipisahkan dari aspek semantik. Ini adalah kerana makna atau semantik itu wujud dari kosa kata. Deretan kosa kata yang membentuk sintaksis akan memantapkan makna ujaran atau semantik. Oleh yang demikian dalam aspek semantik yang akan diperincikan dalam kajian ini ialah ke atas kosa kata asasi yang bermakna dan golongan kata dalam ujaran kanak-kanak yang dikaji. Jika makna atau aspek semantik itu hanya dilihat daripada makna setiap kosa kata atau berdasarkan perkataan yang diujarkan sahaja, maka ia akan membentuk makna kepada perkataan atau makna kamus sahaja. Tetapi jika makna itu dilihat dari keseluruhan ujaran atau kata-kata yang membentukkan ayat, maka kita akan membentuk makna sebenar ujaran tersebut yang mungkin dilihat dari segi makna kontek atau makna di luar konteks.

1.8 Rumusan

Bab ini telah menyentuh tentang latar belakang kajian. Juga yang telah dimuatkan dan diuraikan ialah soalan-soalan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, bidang dan limitasi kajian.

Dalam bab yang kedua, pengkaji akan membuat ulasan berhubung pemerolehan bahasa daripada karya-karya terpilih dan dapatan-dapatan kajian yang berkaitan. Perbincangan dalam bab kedua akan dijuruskan kepada definisi pemerolehan bahasa, asas-asas teori pemerolehan bahasa dan kajian-kajian yang berkaitan.